

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 16, 2019 2:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Taklimat Persediaan Pelajar Praktikum Pastikan Persiapan Mantap Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 MEI 2019 / 11 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

TAKLIMAT PERSEDIAAN PELAJAR PRAKTIKUM PASTIKAN PERSIAPAN MANTAP PELAJAR



UUM ONLINE: Seramai 400 pelajar telah menghadiri Taklimat Persediaan Pelajar Praktikum Sesi A191 anjuran PPA COB di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 3/1, baru-baru ini.

Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar berkata, taklimat itu bertujuan untuk memastikan persiapan yang mantap kepada pelajar yang bakal menjalani latihan praktikum pada September depan.

"Saya juga mahu pelajar yang akan menjalani praktikum ini menjadi duta kecil UUM di luar sana dengan menunjukkan tingkah laku yang baik, berketrampilan dan sentiasa ringan tulang untuk membantu melicinkan urusan di organisasi," katanya.

Beliau juga turut menjawab beberapa persoalan yang diajukan pelajar berkenaan dengan kelulusan dan prosedur pertukaran tempat praktikum.

Sesi taklimat telah disampaikan Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Mohd Adib Abd Muin yang menerangkan tentang objektif praktikum, kelayakan praktikum, tempoh dan syarat-syarat

praktikum, isu-isu semasa dan cabaran ketika menjalani latihan praktikum, persediaan kewangan dan tingkah laku sewaktu menjalani latihan praktikum.

Taklimat Persediaan Praktikum Sesi A191 itu dihadiri pelajar dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

Hadir sama, Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Ruhaida Saidon; Pensyarah TISSA, Prof. Madya Dr. Akilah Abdullah; Pensyarah STML, Dr. Rushanim Hashim; Pensyarah SEFB, Dr. Azizah Md Yusof dan Pn Roshita Che Ani serta pegawai PPA COB.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.